

PKMGR Berakhir Di Parlimen Arau Malam Tadi
Bernama
14 Ogos, 2012

KANGAR, 14 Ogos (Bernama) -- Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang Ramadan 2012 peringkat negeri Perlis yang membawa mesej cintakan negara dan menyemarakkan bulan Ramadan berakhir di kawasan Parlimen Arau Isnin malam.

Program yang diteraju Jabatan Penerangan Perlis itu bermula 3 Ogos lalu di kawasan Parlimen Kangar diikuti Padang Besar pada 8 Ogos sebelum berakhir di Arau.

Program berakhir di Rumah Amal Hembusan Kasih yang menempatkan 25 anak yatim dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

Pada majlis itu, peserta konvoi yang diketuai Pengarah Penerangan Perlis, Mohamed Lokman Mahmud serta ketua jabatan di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPPK) berbuka puasa bersama penghuni rumah amal di bawah naungan Yayasan Kebajikan Perkhidmatan Perubatan Malaysia tersebut.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Perlis Jafperi Othman dan Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Tambun Tulang, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Perlis, Abdul Haris Ishak.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687886>